

# Dua sahabat mengaku mencuri dipenjara sebulan

**MIRI:** Dua sahabat masing-masing dijatuhi hukuman penjara sebulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas kesalahan mencuri.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas kedua-dua tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh tangkapan pada 20 Oktober lalu.

Hukuman itu ditujukan Penolong Kanan Pendaftar Mohammad Helmi Abdul Jani setelah meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan salah kedua-dua tertuduh yang telah menjimatkan kos pendakwaan dan masa mahkamah, faktor rayuan, berat kesalahan yang dilakukan serta mengambil kira kepentingan.

Donald Ramos Taji, 24, dan Linggie Judy, 31, telah didakwa mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan dan Seksyen 34 kanun sama yang boleh membawa hukuman penjara hingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, kedua-dua tertuduh didapati telah melakukan kecurian dengan mencuri satu unit sarung tablet dan pemegang antihentaman MI Pad 66 Pro serta satu unit kaca bertempa untuk MI Pad 66 Pro kepunyaan Bethany Laurentius.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu dengan niat bersama pada jam 10.30 pagi, 14

Oktober lalu di sebuah lot di Desa Senadin Fasa 8 di sini.

Sementara dalam satu kes berasingan, Donald turut didenda RM1,800 atau enam minggu penjara setelah mengaku bersalah memasukkan dadah jenis Amphetamine dan Methamphetamine ke dalam tubuh sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 12.30 tengah hari, 13 Februari tahun ini di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Miri.

Bagi kesalahan itu, tertuduh telah didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan 1983) selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun di bawah Seksyen 38B ADB 1952.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dikendalikan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.